

Headline	Jumlah jaringan penentu kejuaraan		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	16 Feb 2024	Readership	467,988
Circulation	155,996	Page No	45
Section	Sukan	Journalist	MUHAMMAD
ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 27,823		



# Jumlah jaringan penentu kejuaraan

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

**PENCABAR** takhta Liga Hoki Malaysia (MHL), Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus menunjukkan aksi meyakinkan selepas membelas wakil China, Pasukan Hoki Liaoning 13-1 pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil kelmarin.



Penyerang TNB, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal menjadi pemain paling menyeronai pada perlawanan itu apabila menjaringkan lima gol, sekali gus menghadiahkan tiga mata berharga buat pasukan.

Meskipun skuad kendalian Nor Saiful Zaini Nasiruddin itu belum menerajui takhta liga, namun Azrai percaya mereka masih memiliki peluang untuk muncul juara selain menganggap jumlah jaringan juga mampu menjadi pentru kejuraan musim ini.

"Bagi saya, prestasi pasukan

hari ini (kelmarin)-adalah yang terbaik kerana kami mula dapat keserasian antara satu sama lain, bermula dari bahagian pertahanan sehingga ke jentera serangan.

"Penyerang juga mampu jaringkan gol yang banyak dan bagi saya, ia mampu jadi pemenang dalam perebutan liga. Sekiranya kutipan mata pasukan-pasukan teratas sama, maka jumlah jaringan akan dikira," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Pada saingan musim ini, TNB dianggap antara pilihan utama, namun perlu berdepan cabaran sukar daripada Maybank serta juara bertahan, Pasukan Hoki Terengganu (THT).

Dalam pada itu, Azrai menjelaskan, impian mereka untuk bergelar juara belum berkubur selain mengharapkan pertemuan antara Maybank dan THT pada



AZRAI (tengah) berjaya meledak lima gol ketika melawat Liaoning 13-1 di Stadium Hoki Nasional kelmarin. - MHC

27 Februari ini berakhir dengan keputusan seri.

"Memang kita perlu harapkan

mereka seri nanti bagi membuka peluang TNB untuk menjadi juara. Sekiranya salah satu pasu-

kan menang dalam perlawanan itu, maka mereka ada kelebihan bergelar juara," ujarnya.